

## Imigresen sambut baik penambahan empat pintu masuk baharu

**SHAH ALAM** - Penambahan empat pintu masuk imigresen baharu di Sarawak membolehkan kawalan kemasukan warga asing dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzaimie Daud memberi penghargaan kepada Kementerian Kewangan, Senator

Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz di atas pengumuman pada Bajet 2022.

“Langkah seterusnya selepas ini ialah mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri kerana ia melibatkan urusan pengambilan tanah dan kelulusan pihak berkuasa tempatan,” katanya menerusi kenyataan pada Jumaat.

Menurut beliau, pihaknya

akan memberi fokus kepada sistem automasi di pintu masuk baharu dan sedia ada supaya masa menunggu dapat dipercepatkan.

Pada Jumaat menerusi pembentangan Bajet 2022, Tengku Datuk Seri Zafrul telah mengumumkan menambah empat pintu masuk imigresen baharu antaranya di Telok Melano dan Baleh, Sarawak.